

## Pandangan dan Penilaian Ilmuan Agama Terhadap Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran di Malaysia

The Opinions and Evaluations of Religious Scholars on Methods of Disposing Al-Quran Text in Malaysia

LATIFAH ABDUL MAJID<sup>1\*</sup>, MOHD FAIZULAMRI MOHD SAAD<sup>1</sup>, HAMDI ISHAK<sup>1</sup>, MOHD. NASIR ABDUL MAJID<sup>2</sup>  
& AMEER AREFF ISKANDAR MOHD AZHAR<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

<sup>2</sup>Faculty Of Syariah And Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

\*Corresponding Author ; email: [umilm@ukm.edu.my](mailto:umilm@ukm.edu.my)

Received: 16 June 2022 /Accepted: 4 August 2022

### ABSTRACT

*One method for disposing of old, damaged, or misprinted Qur'an pages is to burn them. Recently, there have been cases of al-Quran mushaf disposal management that do not comply with the maqasid of al-Quran text disposal as stipulated in established guidelines. Furthermore, the number of damaged al-Quran manuscripts is growing, making the collection site increasingly limited in capacity. To save money and space, it was discovered that some institutions in charge of disposal have delegated this task to unauthorized parties, such as non-Muslim parties, which disposed of al-Quran text at paper mills. Therefore, this article discusses the perspectives and evaluations of religious scholars on the methods used by Malaysian institutions to dispose of al-Quran text. Document analysis and interviews with the State Muftis of Selangor, Kelantan and Terengganu were used to collect data. It was done through semi-structured interviews and descriptive analysis. According to findings, the Malaysian government has implemented several methods. One method used is to burn it to ashes, bury it, and then wash it into the sea. Many authorised institutions carry out disposal in accordance with the established guidelines.*

*Keywords: Religious scholars; method; disposal; mushaf Quran; conventional; guideline; Malaysia*

### ABSTRAK

*Kaedah membakar merupakan antara kaedah yang digunakan bagi melupuskan mashaf al-Quran yang lama, rosak atau tersalah cetak. Muktahir ini telah berlaku pengurusan pelupusan mashaf al-Quran yang tidak menepati maqasid pelupusan teks al-Quran seperti yang difatwakan dalam garis panduan. Di samping itu, jumlah mashaf al-Quran yang rosak semakin bertambah menyebabkan tapak pengumpulan semakin terhad. Bagi menjimatkan kos dan ruang, didapati beberapa institusi yang dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan pelupusan telah menyerahkan tugas ini kepada pihak yang tidak berautoriti, contohnya kepada pihak bukan Islam bahkan dilupuskan di kilang kertas. Justeru, artikel ini membincangkan pandangan dan penilaian ilmuan agama terhadap kaedah pelupusan yang telah dilaksanakan oleh institusi pelupusan teks al-Quran di Malaysia. Pengumpulan data diambil secara analisis dokumen dan temubual bersama Mufti iaitu mufti Negeri Selangor, mufti Negeri Kelantan dan mufti Negeri Terengganu. Ia dilakukan secara temubual separa berstruktur dan dianalisis secara diskriptif. Hasil penemuan mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Antara kaedah yang diaplikasi adalah dengan cara dibakar sehingga menjadi abu dan dibatalkan seterusnya dihanyut ke dalam laut. Tegasnya, masih banyak institusi berautoriti yang melaksanakan pelupusan mengikut garis panduan yang ditetapkan.*

*Kata kunci: Ilmuan agama; kaedah; pelupusan; mashaf al-Quran; konvensional; garis panduan*

## PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat yang paling berharga kepada seluruh umat Islam. Pembukuan al-Quran bermula ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan diteruskan pembukuan kepada pencetakan al-Quran bagi menampung permintaan orang Islam yang semakin bertambah. Aktiviti percetakan, penerbitan dan pengedaran mushaf al-Quran semakin bertambah dan telah berkembang dari semasa ke semasa mengikut peningkatan populasi serta permintaan orang Islam pada masa kini. Disebabkan permintaan yang meningkat, hal ini telah mencetuskan inovasi dan lahir pelbagai reka bentuk dan metod yang pelbagai sehingga menimbulkan persoalan sejauh mana mushaf itu dapat dipelihara kesucian dan dijamin keasliannya (Shaharuddin Pangilun et al. 2018). Malah, telah berlaku rampasan atau kesalahan-kesalahan cetakan yang mengakibatkan peningkatan jumlah al-Quran yang perlu dilupuskan dengan segera. Oleh itu, para ulama telah mengambil tanggungjawab untuk melakukan penyelidikan, penelitian dan pemeliharaan terhadap hal ehwal penulisan al-Quran agar ia kekal terpelihara dan relevan untuk generasi akan datang.

Antarasifat-sifatal-Quranyangharusdihilangkan adalah tumpuan pada penerapan dua faktor, iaitu faktor semula jadi dan faktor mendatang. Contoh bagi faktor semula jadi ialah proses pengoksidaan dan proses pereputan. Manakala faktor mendatang ialah fizikal pada struktur yang rosak, terkoyak, usang, dan sebagainya (Taqwa Binti Zabidi 2018). Dalam keadaan seperti ini seseorang tidak mungkin merujuk atau membaca mashaf al-Quran atau bahan penerbitan Islam disebabkan ia terdedah dengan kerosakan nyata. Maka, mungkin boleh berlaku kesilapan ketika membaca mashaf al-Quran yang rosak itu. Oleh itu, ia mestilah dilupuskan dengan mengikut prosedur dan hukum yang telah ditetapkan dalam fatwa dan garis panduan pelupusan mashaf al-Quran.

Namun begitu, tidak terhad kepada sifat al-Quran yang lama atau kerosakan, malah ia juga diteliti dari sudut resam yang mengikut spesifikasi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Mana-mana mashaf al-Quran yang dijual dan terkandung ayat al-Quran yang tidak mengikut resam Uthmani yang dikeluarkan oleh kerajaan akan dirampas dan dilupuskan dengan segera. Sebagaimana yang dilaporkan Noorazura Abdul Rahman (2019) bahawa sebanyak 2996 naskhah al-Quran dan Muqaddam bernilai RM65

ribu dirampas oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selepas didapati menggunakan tulisan rumi termasuk ada yang dicetak tidak mengikut resam Uthmani. Begitu juga yang dilaporkan dalam media sebanyak 5050 naskhah al-Quran yang diimport dari Indonesia dirampas oleh KDN ketika cubaan menyeludup ke Malaysia. Menurut laporan *Berita Harian Online* (2019) semua naskhah al-Quran tersebut yang dirampas tidak mengikut konsep resam Uthmani yang ditetapkan kerajaan Malaysia (Iskandar Shah 2019). Oleh itu, semua rampasan tersebut mesti dilupuskan dengan cara membakar keseluruhan secara tertutup sebelum abu al-Quran dilepaskan ke laut (Noorazura Abdul Rahman 2019). Justeru, pembakaran al-Quran mengambil masa yang lama akibat daripada peningkatan al-Quran yang lama dan juga baru.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

### PERMASALAHAN PELUPUSAN MASHAF DAN BAHAN YANG MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN

Pelupusan mashaf al-Quran menjadi topik hangat apabila segelintir pihak menggunakan bahan terbitan al-Quran yang rosak dengan tujuan perniagaan. Sekiranya perkara ini dibiarkan, maka akan berlanjutan ke arah penghinaan terhadap al-Quran. Nur Saliawati melaporkan dalam *Harian Metro* pada 2 Disember 2016 bahawa sepasukan penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melakukan pemeriksaan di gudang di Krubong selepas didapati premis jual alas kaki menjual alas kaki yang mengandungi teks al-Quran dan hadis. Sebanyak 500 helai alas kaki yang dijumpai dan alas kaki itu sudah diasingkan oleh pembekal kerana bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Pada tahun yang sama, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) memaklumkan bahawa sebuah pasar raya dan kedai menjual alas kaki yang mengandungi ayat al-Quran (Zatul Iffah 2016). Oleh itu, pihak pengurusan pelupusan kertas perlu cakna terhadap ayat suci al-Quran yang merupakan sensitiviti umat Islam pada masa kini.

Selain itu, Norizuan Shamsuddin melaporkan dalam akhbar *Harian Metro* pada 6 November 2016 bahawa pemilik premis menjual kitab agama melupuskan buku-buku agama secara terbuka di Subang Jaya. Aktiviti pelupusan tersebut disaksikan beberapa penduduk di kawasan Subang Jaya yang

memberikan reaksi yang negatif terhadap aktiviti tersebut. Malah, perkara ini juga hangat dalam media sosial dan rata-rata warganet memberi pandangan negatif atas aktiviti tersebut sehingga hal ini disampaikan kepada pengetahuan pihak berkuasa. Walaupun tujuan tersebut untuk melupuskan al-Quran yang rosak namun, ia mestilah dilakukan di kawasan yang terkawal dan jauh dari pandangan masyarakat supaya dapat mengelakkan unsur penghinaan dan salah faham. Oleh itu, ia perlu diselia atau dipantau oleh pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri agar proses pelupusan al-Quran dilaksanakan dengan sebaiknya.

Masalah pelupusan mashaf al-Quran tidak tertumpu pada sikap masyarakat dan premis melupuskan bahan tersebut, bahkan dari sudut pengurusan di beberapa jabatan atau syarikat yang mengalami masalah ini. Sebagai contoh, Jabatan Agama Islam Selangor dan Pejabat Agama Islam Daerah Selangor mengalami masalah kerana pusat pengumpulan al-Quran yang terhad menyebabkan lambakan naskah-naskah al-Quran dan buku-buku agama (Fatin Mahfudzah 2014). Begitu juga kekurangan daya tenaga kerja turut memberi kesan kepada pengurusan pelupusan mashaf. Kekurangan daya tenaga kerja bererti kurangnya kakitangan yang berkemahiran dalam mengurus melupuskan mashaf. Kekurangan kakitangan, kurangnya pengalaman, kekuatan fizikal dan kurang pengetahuan berkaitan pelupusan al-Quran menyebabkan proses melaksanakan pelupusan ini terbatas (Fatin Mahfudzah 2014; Siti Aisyah 2019).

#### HUKUM PELUPUSAN AL-QURAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Tiada dalil yang khusus berkait pelupusan mashaf al-Quran daripada al-Quran dan juga Hadith bagi mensabitkan sesuatu hukum mahupun fatwa. Namun, pelaksanaan pelupusan ini yang dilakukan oleh Khalifah Uthman merupakan suatu ijtihad ulama dalam memelihara kesucian ayat-ayat al-Quran (Fatin Mahfuzah 2014). Siti Aisyah (2018) membahaskan tujuan pembakaran al-Quran adalah untuk menjaga dan memelihara setiap firman Allah dan nama zat yang Maha Agung terhadap perkara-perkara yang tidak selayaknya dilakukan seperti dipijak dan dibuang di tempat-tempat yang bernajis dan dilonggokkan dengan sampah-sarap.

Kaedah yang telah yang disarankan oleh para ulama adalah dengan membakar keseluruhannya. Kaedah ini berdasarkan apa yang diarahkan

oleh Saidina Uthman bin 'Affan RA semasa proses pengumpulan al-Quran iaitu baginda telah memerintahkan untuk mengumpul mashaf yang dimansuhkan dan membakarnya bertujuan menjaga kesucian al-Quran (Zulkifli al-Bakri 2014). Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA yang bermaksud:

Sesungguhnya Uthman bin 'Affan R.A memerintahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Sai'd bin al-'As dan 'Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisyam supaya menulis semula dalam bentuk salinan mashaf yang sempurna, Uthman berkata kepada tiga orang lelaki Quraish: Sekiranya kamu tidak bersetuju dengan Zaid bin Thabit berkaitan sesuatu hal di dalam al-Quran, maka tulislah dalam gaya bahasa Quraish, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan bahasa mereka, lalu mereka melakukannya, sehingga menjadi banyak salinan daripadanya (mashaf), kemudian Uthman memulangkan mashaf yang asal kepada Hafshah, dan dikirim ke seluruh pelusuk dunia, kemudian Uthman memerintahkan supaya segala mashaf selain daripada mashaf yang asal agar dibakar.

Ibnu Hajar al-Asqalani menerangkan maksud ayat tersebut dalam kitab Fathul Baari (*kemudian Uthman memerintahkan supaya segala mashaf selain daripada mashaf asal agar dibakar*) dengan memberi tiga pandangan:

1. Riwayat al-Marwazi menyatakan bahawa pelupusan mashaf berlaku melalui kaedah pembakaran melalui kalimah 'yuhraq'.
2. Riwayat al-Ashili memberi pandangan bahawa mashaf perlu dikoyak atau dicarik menerusi kalimah 'yukhraq'.
3. Riwayat al-Isma'ili menyatakan bahawa pelupusan mashaf berlaku melalui proses pembakaran dan ia mesti dihapuskan keseluruhannya.

Berdasarkan pandangan tersebut, Ibnu Hajar al-Asqalani berpandangan riwayat al-Ashili lebih tepat. Kemudian beliau menyebut dalam riwayat Syu'aib daripada hadis Ibnu Abu Daud dan Al-Tabarani serta lain-lain iaitu dengan cara membakar dengan api ketika itu.

Ibnu Battal berkata: "Dalam hadis ini terdapat keterangan yang membolehkan membakar kitab-kitab yang terdapat nama Allah. Hal itu termasuk sikap memuliakan dan memeliharanya agar tidak terpijak-pijak." Abdurrazaq meriwayatkan dari jalur Thawus, bahawa dia membakar surat-surat yang ada tulisan 'basmalah' apabila telah banyak. Demikian juga yang dilakukan Urwah, tetapi Ibrahim tidak menyukai akan tindakan tersebut. Ibnu Atiyah berkata: "Riwayat dengan kata 'yuhraq' (dibakar) lebih sahih. Hukum inilah yang terjadi

pada masa itu. Adapun saat ini, dicuci lebih utama jika ada keperluan untuk menghilangkannya.”

Imam Badr al-‘Aini dalam mensyarahkan hadis di atas menukulkan pandangan Ibn Battal dengan menyatakan:

فِي هَذَا الْحَدِيثِ جَوَازُ تَحْرِيقِ الْكُتُبِ الَّتِي فِيهَا اسْمُ اللَّهِ، عَزَّ وَجَلَّ، بِالنَّارِ وَإِنَّ ذَلِكَ إِكْرَامٌ لَهَا وَصَوْنٌ عَنْ وَطْئِهَا بِالْأَقْدَامِ، وَقِيلَ: هَذَا كَانَ فِي ذَلِكَ الْوَقْتِ، وَأَمَّا الْآنَ فَالْغَسْلُ إِذَا دَعَتِ الْحَاجَةُ إِلَى إِزَالَتِهِ

Maksudnya:

Pada hadis ini menyatakan harus membakar kitab yang terdapat padanya nama Allah SWT dengan api kerana memuliakannya dan menjaganya daripada dipijak. Pada pandangan yang lain menyatakan: pendapat ini merupakan pada masa itu, ada pun pada masa sekarang, maka dengan membasuhnya apabila berhajat untuk menghilangkan tulisannya.

Imam Khatib al-Syirbini (1997) mengatakan bahawa makruh membakar al-Quran tanpa tujuan melainkan untuk menjaga kesuciannya.

وَيُكْرَهُ إِحْرَاقُ خَشَبِ نُقُشَ الْقُرْآنِ إِلَّا إِنْ قُصِدَ بِهِ صِيَانَةُ الْقُرْآنِ فَلَا يُكْرَهُ كَمَا يُؤْخَذُ مِنْ كَلَامِ ابْنِ عَبْدِ السَّلَامِ وَعَلَيْهِ يُحْمَلُ تَحْرِيقُ عُثْمَانَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - الْمَصَاحِفَ

Maksudnya:

Dan makruh membakar kayu yang diukir padanya al-Quran melainkan dengan tujuan pembaikan al-Quran, maka tidak makruh ini seperti yang diambil daripada pendapat Ibn Abd al-Salam berdasarkan perbuatan ‘Uthman RA yang membakar mushaf.

Ali Fakhr (2019) menjelaskan tentang cara melupuskan kertas al-Quran yang lama berdasarkan beberapa pandangan ulama yang menyatakan bahawa melupuskan kertas terhormat ini mesti dilakukan secara cara terhormat dengan membakar kertas-kertas yang mengandungi ayat suci al-Quran dan kemudian menanamnya atau memotongnya dengan pengisar kertas supaya ia dipotong menjadi kepingan yang sangat kecil supaya tidak terbentuk sebuah lembaran al-Quran. Perkara penting dalam melupuskan al-Quran lama adalah bukan niat untuk menghina, sebaliknya tujuannya adalah untuk menghormati kesucian kalam Allah SWT. Beliau menyebut kata-kata Imam al-Desouqi al-Maliki:

“Dan bakarlah kertas-kertas yang mengandungi kalimah atau ayat daripada al-Quran, atau nama-nama Tuhan, atau nama-nama nabi. Hal yang demikian, syariat telah memerintahkan untuk menyucikan dan memuliakan ayat-ayat suci al-Quran. Sekiranya kaedah ini adalah cara untuk mengekalkan kesuciannya, maka tiada masalah. Tetapi kaedah ini mungkin diperlukan. Ini adalah cara ditulis.”

Ali Goma (2019) menjelaskan hukum membakar mashaf al-Quran lama dalam fatwanya pada dasarnya al-Quran yang baik keadaannya adalah untuk dibaca dan bukan untuk dibakar. Malah, al-Quran itu untuk dihormati kesuciannya. Apabila al-Quran yang dicetak itu timbul kecacatan keatasnya, maka diharuskan untuk dibakar mushaf al-Quran itu. Tindakan ini adalah pandangan disisi jumhur ulama. Beliau menambah lagi bahawa tidak boleh membakarkan sebarang kertas daripada al-Quran atau ayat suci al-Quran di atas tanah atau di tempat yang kotor. Kesimpulannya, melupuskan mashaf al-Quran dengan niat menghormati dan memuliakan adalah wajib dilaksanakan dengan cara bakar sehingga hilang sifat al-Quran tersebut kerana lebih mulia berbanding kaedah yang lain sepertimana tindakan Saidina Uthman Ibn Affan.

Al-Suyuti (2003) menyatakan bahawa beliau bersetuju dengan pandangan bahawa al-Quran yang lama atau koyak boleh dibakar dengan tujuan untuk mengelakkan makhluk memijak mushaf yang lama. Namun, al-Qadi Husayn melarang membakar mashaf kerana tindakan tersebut melanggar penghormatan terhadap al-Quran. Begitu juga Imam al-Nawawi (2003) berpandangan membakar mashaf adalah makruh kerana membakar adalah bersalahan dengan tatacara menghormati al-Quran. Dalam mazhab Hanafi dan Hanbali lebih mengutamakan dengan cara ditanam dalam tanah dan tidak menggalakkan untuk dibakar.

Syaikh ‘Atiyyat Shaqr (1994) merupakan salah seorang ahli Majlis Fatwa al-Azhar berpendapat membakar al-Quran adalah diharuskan dengan niat untuk menyelamatkannya daripada sebarang penghinaan. Al-Shaykh Mahmud Ahmad Sa‘id al-Atrash (2004) mengatakan membakar al-Quran atau keratan-keratan akhbar dan buku-buku yang mengandungi kalam Allah itu lebih baik dan utama daripada membasuh, merendam dan menanamnya. Namun Abdul Hayei Abd Shukor (2003) menjelaskan suatu kaedah pelupusan yang terbaik terutama terhadap al-Quran yang tersalah cetak hendaklah direndam bahan itu ke dalam air yang bersih supaya tulisannya hilang dan kembali menjadi kertas biasa dan air basuhan tersebut hendaklah dibuang ke kawasan yang mengalir seperti sungai atau laut. Jika tulisan tersebut tidak dapat dihilangkan maka hendaklah dibakar dengan niat bagi memelihara kemuliaan al-Quran.

Berkenaan abu al-Quran sebaiknya hendaklah dikumpulkan dan diletak ditempat yang selamat seperti ditanam pada tempat yang bersih dan tidak

dilalui oleh orang ramai supaya tidak dipijak. Selain itu, boleh juga dihanyutkan ke dalam laut atau sungai yang mengalir (Zulkifli al-Bakri 2020). Imam Zarkashi menjelaskan dalam kitabnya:

وَفِي الْوَأَقَاعَاتِ مِنْ كُتُبِ الْحَنْفِيَّةِ أَنَّ الْمُصْحَفَ إِذَا بَلِيَ لَا يَحْرَقُ  
بَلْ تَحْفَرُ لَهُ فِي الْأَرْضِ وَيُدْفَنُ

Maksudnya:

Di dalam kitab *al-Waqiat* yang dikarang oleh Hanafi bahawa sesungguhnya apabila ia (al-Quran) rosak adalah lebih baik untuk tidak membakarnya tetapi dikebumikan di dalam tanah.

Beliau menyimpulkan bahawa kaedah membakar al-Quran yang tidak digunakan adalah merupakan kaedah yang paling ringan sekali. Oleh itu, untuk memelihara dan memuliakan al-Quran ini perlulah disertakan dengan niat untuk memuliakannya daripada ditimpa sebarang penghinaan, kejian dan perbuatan yang boleh mencemar kemuliaan al-Quran Karim.

## METODOLOGI

Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan tentang pandangan dan penilaian ilmuan agama terhadap pelaksanaan pelupusan teks al-Quran dan bahan terbitan al-Quran di Malaysia. Artikel ini mengkaji dengan menggunakan teknik kualitatif dengan instrumen pengumpulan data kajian menerusi analisis dokumen terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dan temu bual pakar dalam bidang al-Quran dan hadis. Data-data ini diambil dan dianalisis secara diskriptif.

Data-data daripada sumber primer dan sekunder dipetik melalui kajian lepas seperti tesis yang bertajuk *Pengurusan Pelupusan Teks-teks Al-Qur'an di Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Permasalahannya* yang dikarang oleh Siti Aisyah Binti Ab Gani bagi menjelaskan kaedah pelupusan al-Quran mengikut garis panduan Negeri Johor dan permasalahan yang dihadapi semasa pelupusan teks al-Quran. Begitu juga data-data diambil daripada artikel dan prosiding termasuk majalah, akhbar berita dan laman web tentang hukum dan isu semasa pelupusan teks al-Quran.

Selain itu, instrumen temu bual turut diambil bagi memperoleh data yang terkini mengenai hukum dan fatwa semasa. Oleh itu, kajian ini melibatkan tiga orang informan yang berpangkat mufti iaitu mufti Negeri Selangor, Mufti Terengganu dan mufti Negeri Kelantan. Ketiga-tiga informan mendapat

set soalan yang sama, pembinaan protokol temu bual dirangka berdasarkan pemilihan latar belakang sampel yang diambil. Pemilihan sampel temu bual pakar adalah berdasarkan melalui protokol soalan temu bual yang dirangka bagi mengambil data-data temu bual oleh pakar bidang atau ahli ilmuan dalam penjelasan hukum fiqh. Soalan-soalan temu bual dibuat dengan separa berstruktur.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan akta yang dikenali sebagai Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 Akta 326 untuk mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks al-Quran dan bahan al-Quran dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan. Merujuk akta tersebut yang bertajuk *Bahan Buangan daripada Percetakan Teks atau bahan al-Quran* Seksyen 11 (1) seseorang yang mencetak sesuatu teks al-Quran atau bahan al-Quran hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat al-Quran dimusnahkan dengan serta merta dengan membakarnya di suatu tempat tertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis percetakan itu dengan apa-apa cara kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang telah disebutkan (Undang-undang Malaysia 2008). Menerusi akta tersebut mashaf dan bahan ayat al-Quran mestilah dibakar secara tertutup dan mengikut prosedur pembakaran al-Quran sepertimana yang digariskan dalam oleh Muzakarah Fatwa Malaysia.

## SISTEM PEMBAKARAN

Temu bual bersama ketiga-tiga dari Pejabat Mufti negeri iaitu Selangor, Terengganu dan Kelantan mengenai pelupusan mashaf al-Quran di Malaysia. Secara asasnya pelupusan teks al-Quran dilupus dengan cara dibakar dan abu tersebut itu dihanyut atau dibuang ke laut supaya tiada makhluk yang melangkah atau lalu jika abu tersebut ditanam. Mohamad Sabri (2022) yang merupakan Mufti Negeri Terengganu berpandangan kaedah pelupusan tersebut bertepatan dengan tindakan asal Saidina Uthman Affan bagi mengelak kekeliruan dari sudut tajwid dan qiraat. Begitu juga aktiviti pelupusan ini dijalankan secara komersial yang dilaksanakan di premis-premis swasta yang menjalankan pelupusan

teks al-Quran. Tambahan pula, tujuan teks al-Quran dibakar adalah untuk memelihara teks atau ayat suci al-Quran daripada sebarang gangguan atau perubahan hingga menjerumus kepada penghinaan terhadap al-Quran. Mufti Negeri Kelantan, Mohamad Shukri Mohamad (2022) berkata:

“Kertas al-Quran yang dicetak sama seperti wang kertas tetapi ada nilainya walaupun sama-sama kertas. Jadi nilai itu, kena nilailah. Ini kayu yang diukir dengan ayat al-Quran ada nilai al-Quran disitu, besi yang diukir dengan al-Quran ada nilai al-Quran di situ. Jadi tak boleh samakan ukiran kayu dan besi itu dengan kayu-kayu biasa.”

Penjelasan tersebut menunjukkan bahawa teks al-Quran wajib dipelihara dan dijaga daripada sebarang penghinaan. Buku-buku agama dan mashaf al-Quran yang rosak atau tidak boleh dibaca mesti diasingkan teks atau ayat sucinya daripada buku agama tersebut. Ini kerana sebagai penghormatan yang tinggi terhadap ayat suci al-Quran atau kalimah ayat al-Quran berbanding perkataan atau huruf selain ayat al-Quran daripada dipijak atau dilangkah. Namun, penghormatan terhadap buku-buku agama, majalah agama atau seumpamanya juga mesti dijaga dan dimuliakan kerana terkandungnya ilmu walaupun fizikal sudah rosak. Masalah atau cabaran dalam melupuskan teks al-Quran memerlukan kos perbelanjaan yang besar terutama menggunakan khidmat syarikat-syarikat yang menawarkan khidmat melupuskan mashaf al-Quran. Syarikat-syarikat yang melupuskan mashaf al-Quran telah membelanjakan jumlah dana yang besar untuk membuat alat-alat yang canggih seperti mesin carik itu mampu mencarik atau mengoyak dengan nipis dan terjamin supaya mudah untuk dibakar manakala alat membakar atau insinerator juga memerlukan modal yang besar untuk dibina dengan kelengkapan yang lengkap supaya tiada kalimah atau teks al-Quran berterbangan semasa pembakaran. Selain itu, kesedaran masyarakat juga memberi gambaran bahawa masyarakat memilih untuk dibiarkan mashaf al-Quran yang lama sehingga dimakan anai-anai, tikus kencing di situ dan sebagainya.

Menurut Razali Hassan (2015), kaedah pembakaran mestilah mencapai pelupusan sehingga menjadi abu. Beliau telah membina satu projek berkapasiti 10 kilogram per jam (kg/j) yang mampu mengurangkan ruang pengumpulan, kos dan masa kerana penyimpanan dan pengangkutan tidak diperlukan. Hasil kajian mendapati pengendali dapat memastikan bahawa setiap kumpulan dapat melalui

pintu pengecasan kertas dengan mudah dan pada masa yang sama mengetahui tentang saiz maksimum setiap caj kumpulan kertas. Insinerator ini direka untuk menerima sisa dalam julat nilai tenaga tertentu. Kertas mempunyai nilai tenaga yang tinggi. Melalui sistem ini, ia telah mengehadkan kapasiti memuatkan kepada kapasiti kecil khusus untuk membakar kertas al-Quran. Menurut keputusan ujian, kapasiti maksimum yang hanya boleh memuatkan setiap kelompok adalah 2-kilogram setiap caj sisa kumpulan. Lebih daripada itu, kertas yang dimuatkan akan meliputi kawasan pelabuhan api dan menyekat pembakar api. Melalui ujian yang dijalankan mendapati pembakaran 1-kilogram setiap caj per kumpulan kertas mengambil masa 125 minit untuk pembakaran lengkap kertas 10 kilogram. Sebaliknya, pembakaran 2-kilogram setiap caj per kumpulan kertas hanya mengambil masa 70 minit untuk pembakaran lengkap kertas 10 kilogram. Operasi yang lama akan mengurangkan kecekapan dan menyebabkan ketidakelesaian kepada pengendali. Oleh itu, 2 kg setiap kumpulan caj sisa adalah saiz terbaik untuk mencapai operasi optimum.

#### TANAMAN

Mohamad Sabri (2022) menjelaskan bahawa kaedah pelupusan mashaf yang paling sesuai ialah dibakar mashaf al-Quran sehingga menjadi abu, dan kemudian abu al-Quran itu ditanam di tempat yang terkawal. Hal yang demikian kaedah ini lebih mudah dan selamat malah proses pereputan mashaf al-Quran lebih cepat berbanding ditanam tanpa dibakar. Setiap sesuatu perkara itu, Allah SWT sudah menjadikan sistem pelupusan sendiri. Tetapi perkara yang paling penting adalah setiap umat Islam mestilah memahami sistem yang Allah SWT bina dan diurus sepertimana dengan fitrah. Begitu juga Mohamad Shukri berpandangan bahawa al-Quran yang lama atau rosak mestilah dibakar dan dibuang ke dalam laut supaya dapat mengelakkan daripada dipijak atau dilangkah oleh makhluk. Namun, kaedah tanaman boleh diaplikasi pada masa kini dengan syarat perlu mencari lokasi atau tempat yang tidak terhina atau dihina. Contohnya, bukit atau gunung bukan tempat orang lalu atau pijak ataupun tempat mendaki secara umumnya.

Di samping itu, Mohamad Sabri menjelaskan beliau melihat dari sudut asas, asal manusia dicipta daripada tanah dan kemudian kembali kepada tanah. Elemen-elemen tanah ini dilihat kesesuaian

dan relevan ketika mana sewaktu pengebumian seseorang atau manusia. Sebagaimana mashaf al-Quran dari segi fizikal diperbuat daripada kertas dan kertas itu diperbuat daripada pokok. Hal yang demikian bahawa jika mashaf itu dibawa kepada tanah, maka perkara itu suatu yang selari dengan fitrah manusia. Dapat diperhalusi pada zaman dahulu, binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan yang mati kemudian terserap dalam tanah, maka proses itu akan menghasilkan minyak. Sekiranya dilihat daripada sudut tersebut, didapati proses ini amat sesuai kerana benda yang ada tenaga ini sebenarnya adalah daripada bahan klorofil yang dipanggil sebagai bahan hijau. Jadi, dalam surah Yasin ada yang berkaitan tentang hijau. Juteru, amat sesuai dikatakan fitrah yang menjadikan daripada tanah kembali kepada tanah dan proses itu selari dengan ekosistem. Oleh itu, kaedah tersebut dari sudut asasnya ada yang dikeluarkan oleh garis panduan JAKIM itu sendiri dan juga makna yang sesuai dari sudut justifikasi kenapa perlu ditanam mashaf al-Quran kerana dia sesuai dengan ekosistem dari segi aspek hijau.

Selain itu, pandangan *al-Fatawa al-Hindiyyah* mengatakan al-Quran lama, rosak dan tidak boleh dibaca maka, diharuskan dengan cara dibungkus kain bersih dan ditanamkan di tempat yang selamat. Begitu juga pandangan *Fatawa Ridawiyah* yang beraliran mazhab Hanafi menyatakan membakar al-Quran lama adalah tindakan yang tidak menghormati dan bukan kaedah yang baik dalam pelupusan (Kalim & Faqeer Zahid Hussain Al-Qadiri 2015). *Fatawa Ridawiyah* menyatakan:

“tidak boleh membakar al-Quran seperti yang dinyatakan dalam al-Durr al-Mukhtar. Sebaliknya, ia harus ditanamkan di tempat yang selamat di mana orang tidak akan memijaknya.”

#### HILANGKAN TULISAN AL-QURAN

Sekiranya ada kaedah yang boleh menghilangkan tulisan atau dakwat ayat suci al-Quran dengan menggunakan bahan kimia atau sebagainya adalah lebih baik kerana pada zaman dahulu, dakwat-dakwat ayat suci al-Quran itu apabila direndam, ia boleh hilang. Manakala pada masa kini, mungkin ada bahan-bahan kimia yang tidak najis yang boleh melupuskan dakwat atau tulisan ayat suci al-Quran sebagai salah satu cara pelupusan mashaf al-Quran (Mohamad Shukri 2021). Dakwat ayat suci al-Quran itu boleh dimanfaatkan semula dengan cara minum air dakwat tulisan al-Quran untuk

mengambil keberkatan (*tabaruk*). Namun dakwat al-Quran masa kini bercampur dengan bahan-bahan kimia yang boleh memudaratkan kesihatan manusia maka dilarang untuk diminum. Abdul Hayei (2003) menyatakan bahawa kaedah pelupusan yang terbaik bagi menyelesaikan al-Quran yang tersalah cetak hendaklah direndam bahan itu ke dalam air yang bersih supaya tulisannya hilang dan kembali menjadi kertas biasa dan air basuhan tersebut hendaklah dibuang di tempat-tempat yang sesuai seperti di laut atau sungai-sungai besar.

Kaedah pada masa kini disebut sebagai proses *deinking* iaitu proses yang memisahkan tinta dan bahan bukan serat daripada kertas. Erti kata lain proses menghilangkan dakwat atau tulisan daripada kertas sehingga kembali kepada bentuk yang asal. Proses tersebut mestilah mengikut cara yang bertetapan dengan pandangan ulama sepertimana yang disebut dalam pandangan Syafie dan ulama' muktabar (Zulkifli al-Bakri 2019):

1. Al-Quran atau cebisan yang salah mestilah dimuliakan, tidak diletak merata-rata, dilangkah atau diletak di tempat yang kotor.
2. Mestilah hilang tulisan tersebut secara keseluruhannya dan sempurna hilangnya.
3. Bahan yang terhasil dari proses tersebut hendaklah dilupuskan dengan sempurna.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada tarikh 19 Oktober 2015 telah memutuskan bahawa harus melupuskan al-Quran dan bahan cetakan agama melalui proses *deinking* dan bahan larutan teks al-Quran harus dialirkan ke sungai atau kawasan yang mengalir. Anhar Opir (2021) menjelaskan kaedah *deinking* belum dikomersial di mana-mana institusi yang berlesen atau di Jabatan Agama Islam Negeri untuk melaksanakan kaedah ini walaupun fatwa telah dikeluarkan. Beliau beranggapan kos dan juga tenaga kerja yang mahir untuk melupuskan dengan menggunakan teknologi hijau ini. Ibn Taimiyyah ada menyebut dalam kitab *Majmu' al-Fatawa* bahawa boleh minum air rebusan mashaf al-Quran. Namun, kaedah itu dibolehkan jika dakwat itu diperbuat daripada bahan yang selamat untuk manusia. Jika bahan dakwat itu mengandungi bahan kimia yang boleh memberi mudarat terhadap tubuh badan manusia, maka diharamkan menurut mazhab Syafi'e untuk minum air larutan mashaf al-Quran tersebut (Anhar Opir 2021).

## BUANG KE DALAM LAUT

Menurut Zaid Salim (2018) melaporkan dalam akhbar sebanyak empat tan kiub abu bahan dan teks al-Quran dilupuskan di perairan Pulau Kapas. Pelupusan abu al-Quran di laut adalah proses terakhir sepertimana yang terkandung dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM. Kebanyakan institusi yang berlesen melaksanakan pelupusan ini, abu mashaf al-Quran itu akan dibatalkan dan kemudian dilupus dengan dibuang atau hanyut ke dalam laut kerana proses ini lebih mudah jika dibandingkan dengan cara tanaman yang perlu mencari tempat yang tinggi dan tiada makhluk yang lalu atau langkah. Anhar Opir (2021) menyatakan bahawa kaedah pembuangan abu ke laut antara kaedah pada skala besar iaitu institusi berlesen dan jabatan agama Islam Negeri melupuskan dan membuang abu mashaf al-Quran pada kuantiti yang besar sekitar dalam kurang atau lebih dua puluh tan berat abu al-Quran untuk dibuang ke dalam laut bergantung pada keadaan.

## KESIMPULAN

Aktiviti pelupusan mashaf al-Quran dilihat sebagai satu peristiwa yang bersejarah untuk memelihara kesucian ayat suci al-Quran. Ijtihad Saidina Uthman untuk melindungi kitab al-Quran telah memperlihatkan tindakannya dengan membakar segala lembaran selain resam Uthmani antara titik tolak pandangan ulama untuk mensabitkan hukum membakar mashaf al-Quran dan bahan mengandungi ayat suci al-Quran. Pelbagai pandangan dalam kalangan ahli agamawan dan ilmunan untuk menetapkan hukum melupuskan mashaf al-Quran yang rosak, lama dan tidak boleh dibaca sama ada dengan cara pembakaran, tanaman, rendaman dan pembuangan abu ke dalam laut. Semua kaedah pelupusan tersebut pernah dilaksanakan di Malaysia Kaedah pembakaran dan pembuangan abu di laut antara kaedah yang paling mahsyur di Malaysia kerana mudah diuruskan dan selamat daripada terpijak atau terlangkah. Malah, kaedah tersebut difatwakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM sebagai rujukan bagi institusi yang berlesen dalam melupuskan mashaf al-Quran. Justeru, sehingga ke hari ini, umat Islam telah mengambil ijtihad Saidina Uthman dalam proses pelupusan mashaf al-Quran.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah geran FRGS, Kementerian Pendidikan Tinggi. Kod Penyelidikan: FRGS/1/2020/SS10/UKM/02/07.

## SUMBANGAN PENGARANG

Membina konsep, Latifah Abdul Majid, Ameer Arif Iskandar dan Mohd Faizulamri; metodologi, Latifah Abdul Majid, Hamdi Ishak dan Mohd Nasir Abdul Majid; menilai dan edit data. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan manuskrip.

## RUJUKAN

- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2003. *Islam dan Manusia 1001 Kemusykilan*. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari. 2008. *Al-Jami' al-Sahih al-Bukhari*. Jiddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Syaikh 'Athiyyah Shaqr. 1994. *Ahsanul Kalam fil Fatwa wal Ahkam*. Kaherah: Darul Al-Arabi.
- Anhar Opir. 2021. Hukum dan fatwa pelupusan mashaf al-Quran. Pejabat Mufti Negeri Selangor. Temubual, 11 November.
- Anon. 2008. Undang-undang Malaysia: Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an. 1986. Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2015. Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: FM Security Printer Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 2015. *Komplikasi Pandangan Hukum: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Pengurusan Fatwa. [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI\\_MUZAKARAH\\_MKI\\_2016.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf)
- \_\_\_\_\_. 2019. Hormati ayat al-Quran, hadis lambang keimanan seseorang. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/27391/LIFESTYLE/Sinar-Islam/MENGHORMATI-%20ayat-al-Quran-dan-hadis-merupakan-sebahagian-daripada-lambang-keimanan-seseorang>
- Fatin Mahfuzah Mohd Yusof & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2014. Proses pengurusan pelupusan teks-teks Al-Quran di Selangor: Peranan pihak yang bertanggungjawab dan permasalahannya. Dlm. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2014: Memartabatkan Kesarjanaan Melalui Penyelidikan*.



- Hasliza Hassan. 2019. Membaca al-Quran ikut cara Nabi SAW. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/11/631552/membaca-al-quran-ikut-cara-nabi-saw>
- Hazira Ahmad Zaidi. 2020. Abu al-Quran dilupuskan di laut. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/623209/abu-al-quran-dilupus-di-laut-metrotv>
- Ibnu Hajar al-Asqalani & Syaikh Abdul Aziz Abdullah Baz. t.t. *Fathul Baari: Penjelasan Kitab Shahih Bukhari*. Pustaka Azam.
- Imam Khatib as-Syarbini. 1997. *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Al-fadhi Al-Minhaj*. Bairut: Daar Al-Ma'rifah.
- Iskandar Shah Mohamed. 2019. KDN rampas naskhah al-Quran cuba diseludup. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/532980/kdn-rampas-naskhah-al-quran-cuba-diseludup>
- Jalaluddin al-Suyuti. 2003. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad Sabri Haron. 2022. Hukum dan fatwa pelupusan mashaf al-Quran. Pejabat Mufti Negeri Terengganu. Temubual. 11 Januari.
- Mohamad Shukri Mohamad. 2022. Hukum dan fatwa pelupusan mashaf al-Quran. Pejabat Mufti Negeri Kelantan. Temubual. 12 Januari.
- Muhammad Kalim & Faqeer Zahid Hussain Al-Qadiri. 2015. Correct method of disposing Islamic literature. *TheSunniWay*. <https://www.thesunniway.com/articles/item/285-correct-method-of-disposing-islamic-literature>
- Muhammad Soleh al-Munajjid. 2016. *Fatwa Adab*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Noorazura Abdul Rahman. 2019. KDN rampas 2996 al-Quran, muqaddam tak ikut peraturan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/08/600922/kdn-rampas-2996-al-quran-muqaddam-tak-ikut-peraturan>
- Norizuan Shamsuddin. 2016. Al-Quran dibakar kerana rosak: Polis. *Harian Metro*. <https://api.hmetro.com.my/node/179610>
- Nur Saliawati Salberi. 2016. Sangat biadab!. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/12/186182/sangat-biadab>
- Nurul Jannah Zainan Nazri, Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Sofiah Samsudin & Natirah Azira Ghazali. 2017. Cyclic Process Approach for Disposing Islamic Literature Material in Malaysia: A Study. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences, 9<sup>th</sup> UUM International Legal Conference 2017*.
- Nurulfatiha Muah. 2019. Cara terhormat lupus al-Quran. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/27355/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Cara-terhormat-%20lupus-al-Quran>
- Razali Hassan, Hafizi Azmi, Islah Mohamad Islah Bakri, M. Noorazuan Abd Wahab. 2015. Design and development of used al-Quran paper disposal system. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 76(6): 25-29.
- Syamillah Zulkifli. 2020. Sekolah rendah pertama NS sedia tapak pelupusan teks al-Quran. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/65148/EDISI/Melaka-%20NS/Sekolah-rendah-pertama-NS-sedia-tapak-pelupusan-teks-al-Quran>
- Taqwa Zabidi & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2019. Pandangan Syarak Mengenai Pengurusan Pelupusan Teks atau Bahan al-Qur'an: Realiti Aplikasi di Malaysia.
- Zaid Salim. 2018. Lupus kiub abu al-Quran di laut. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/363585/lupus-kiub-abu-al-quran-di-laut-metrotv>
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang penguatkuasa fatwa di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 27(1): 25-44.
- Zatul Iffah Zolkifli. 2020. Biadap, kurang ajar. *Harian Metro*. <https://api.hmetro.com.my/node/186050>
- Zulkifli al-Bakri Mohamad. 2015. Irsyad Al-Fatwa ke-17: Kaedah pelupusan al-Quran yang rosak akibat banjir. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2056-17>
- Zulkifli al-Bakri Mohamad. 2019. Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak: Fatwa berkenaan pelupusan al-Quran dan bahan cetakan agama berteknologi hijau melalui proses 'Deinking'. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.